

Submission date: 02/07/2019

Accepted date: 12/10/2019

**MAKNA BARAKAH DALAM AL-QURAN
DAN APLIKASINYA DI KAMPUS GONTOR DAN USIM***معنى البركة في القرآن وتطبيقها في جامعة دار السلام كمنثور وجامعة العلوم الإسلامية الماليزية*

Aulia Naufal, Syed Mohammad Chaedar Syed Abdurrahman Al-Yahya, Robiatul
Adawiyah Mohd@Amat
Universiti Sains Islam Malaysia

aulia_naufal86@yahoo.com

Abstrak

Berasal daripada kata bahasa arab “*ba-ra-ka*” yang bermakna ianya penambahan, kebahagiaan dan tumbuh. Barakah adalah kebaikan, nikmat dan selalu bertambah, dengan disertai sifat tetap dan isitiqamahnya kebaikan tersebut, samaada pada ilmu, harta, keluarga, masa maupun yang lainnya. Semisal kita mendoakan kebarakahan kepada orang lain atau guru kita, bererti kita mendoakan agar rezeki, umur, ilmu guru kita bertambah baik. Dalam Quran kata barakah terdapat dalam 31 ayat yang tersebar ke dalam 24 surah. Ini menunjukkan akan pentingnya makna barakah dan aplikasinya barakah dalam kehidupan kita. Kebarakahan dapat diperolehi secara individu maupun institusi, dalam hal ini akan diterangkan makna barakah dalam sebuah institusi pendidikan iaitu Pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia dan aplikasinya, yang mana institusi Pondok ini telah berdiri pada tahun 1345 H (1926 EM). Pada dekade awal berdirinya, Gontor hanya mempunyai puluhan pelajar/santri, dan sekarang telah bertambah menjadi lebih kurang 25.000 pelajar/santri dan berkembang daripada 1 kampus menjadi 21 kampus cawangan diseluruh Indonesia dan lebih kurang 200 pondok yang didirikan alumninya dengan mengikuti metod/kurikulum Gontor. Ini menunjukkan kebarakahan dalam sebuah institusi pendidikan yang mesti kita pelajari, kaji dan selidiki, dalam kaitannya dengan pelan USIM sendiri untuk menuju dan merintis kampus barakah pada tahun 1457 H (2035 EM).

Kata Kunci: barakah, al-Quran, Gontor, USIM.

ملخص

إنها تأتي من كلمة العربية "ب ر ك" مما تعني أنه تضيف وتمزج وتنمو، وإنها اللطف والسعادة والزيادة المستمرة الثابتة المستقيمة، سواء في العلم والمال والأسرة والوقت وغير ذلك. كالدعاء لأجل الآخرين فهذا يعني أننا ندعو لنفسنا وغيرنا لبركة علومنا وأموالنا وعمورنا. كتبت كلمة البركة في 31 آية الموقوعة في 24 سور في القرآن. هذا دليل على أهمية معنى البركة وتطبيقها في حياتنا. ويمكن حصولها على سبيل الفرد أو المجتمع، في هذه الحالة سيشرح معنى البركة في القرآن وتطبيقها في معهد أو جامعة دار السلام كنتور بإندونيسيا، وأسس هذا المعهد في عام 1345 هـ (1926 م). وفي أول تأسيسه كان طلابه قليلاً، والآن ينمو إلى ما يقرب من 25000 طالبا وينمو من حرم واحد إلى 21 فرعاً في مناطق إندونيسيا، وحوالي 200 معهداً بُني خريج كنتور باتباع منهج الدراسي الكنتوري. هذا دليل على وجود البركة في إحدى المدرسة أو المؤسسة التعليمية الذي يجب أن نكتشفها وندرسها ونمارسها فيما يتعلق بخطة جامعة العلوم الإسلامية الماليزية نفسها للذهاب إلى الحرم الجامعي الجديد "الحرم البركة" في عام 1457 هـ (2035 م).

الكلمات المفتاحية: البركة، القرآن الكريم، كونتور، جامعة العلوم الإسلامية الماليزية.

PENDAHULUAN

Barakah berasal dan bersumber daripada Allah SWT., kerana segala sesuatu merujuk kepada Allah Yang Maha Pemberi Kebarakahan, maka daripada Dia-lah al-Quran menjadi barakah, *baitullah* menjadi barakah, dan dua bandar suci *haramain* menjadi barakah. Sesungguhnya segala kebaikan seluruh makhluk berada disisi Allah, Dia-lah Maha Kuasa atas segala sesuatu, bila semua kebaikan dan nikmat di dunia dan akhirat daripada Kemuliaan Allah atas hamba-hambanya, maka tetapnya suatu kebaikan, banyak dan lebihnya kebaikan itu semua daripada Allah SWT., maka itulah yang disebut barakah (Jawwad, 2007).

Dalam buku yang diterbitkan oleh USIM dengan tajuk “*Merintis Kampus Barakah USIM*”, disebutkan bahawa barakah ditakrifkan sebagai tetapnya kebaikan karunia Tuhan pada suatu perkara, dan pada umumnya barakah merujuk kepada kebaikan, kesuburan, kebertambahan, kelapangan, kebahagiaan, dan ketinggian yang berkekalan dan berterusan daripada Allah SWT (Ismail, et. al., 2017).

BEBERAPA BENTUK KATA BARAKAH DALAM AL-QURAN

Perkataan barakah diulang sebanyak 31 kali dalam al-Quran dan dalam bentuk (*wazan*) yang berbeza-beza dan terdapat dalam 24 surah, seperti contoh berikut ini:

1. *Baaraka* بَارَكَ

Disebutkan dalam al-Quran kata *baaraka* hanya satu, dalam surah *Fussilat* ayat 10 yang bererti kebarakahan kepada bumi berupa gunung-ganang yang menetap, dan dari itulah keperluan hidup dan rezeki makhluk diatas bumi dicukupkan. Allah berfirman:

﴿وَجَعَلَ فِيهَا رُؤُوسِيَ مِنْ فَوْقِهَا وَبَارَكَ فِيهَا أَقْوَاتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَاءً لِّلسَّائِلِينَ﴾

“Dan Ia menjadikan (di bumi) gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Ia melimpahkan berkat pada bumi itu, dan Ia menentukan ada padanya bahan keperluan hidup dan rezeki bagi mereka yang mengikut kadar keperluan mereka yang sewajarnya”.

(Surah Fussilat, 41:10)

2. *Buurika* بُورِكَ

Bentuk kata barakah yang kedua, di dapati dalam surah al-Naml iaitu *buurika* yang bermaksud barakah yang melimpah. Kebarakahan mukjizat yang diperoleh Nabi Musa daripada Allah kepada siapa sahaja yang berada di sekelilingnya.

﴿فَلَمَّا جَاءَهَا نُودِيَ أَنْ بُورِكَ مَنِ فِي النَّارِ وَمَنْ حَوْلَهَا وَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾

“Tetapi apabila Baginda sampai ke (Api) itu, kedengaranlah Baginda berseru: “Berkat yang melimpah-limpah ke atas orang-orang yang berada pada Api ini dan sesiapa yang berada pada sekelilingnya”. Maha Sucilah Allah Tuhan sekalian alam”.

(Surah An-Naml, 27:8)

3. *Tabaaraka* تَبَارَكَ

Perkataan *tabaaraka* bermakna Maha Tinggi Kelebihan Tuhan, menunjukkan bahawa kita mengakui dan kita mengisytiharkan Sifat Maha Pemurah dan Maha Pemberi Kurnia-Nya ia kepada kita, kerana semua tambahan dan kebahagiaan yang berlaku melalui-Nya, dalam Tangan (Kekuasaannya)-Nya (El-Muhammady, 1999).

﴿قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَّعِينٍ﴾

“Maha Berkat (serta Maha Tinggilah Kelebihan) Tuhan Yang dalam Tangan (Kekuasaannya)-Nya kekuasaan memerintah segala-galanya, dan memanglah Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

(Surah Al-Mulk, 67:30)

Selain pada ayat pertama surah al-Mulk, kata *tabaaraka* juga ada dalam surah yang lain, diantaranya; al-A’raf, 7:54, al-Mukminuun, 23:14, al-Furqon, 25:1, 10, 61, al-Mukmin, 40:64, az-Zukhruf, 43:85, ar-Rahman, 55:7, al-Mulk, 67:1.

4. *Barakaatin* بَرَكَاتٍ

“*Barakaatin*” adalah bentuk jamak daripada *barakah*, yang bermakna *barakah* yang melimpah-limpah daripada Allah, sama ada yang turun dari langit maupun yang keluar dari dalam bumi.

﴿لَتَفْتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ﴾

“*Tentulah Kami benar-benar akan membuka kepada mereka (semua jenis) pemberian yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi*”.

(Surah Al-A’raf, 7:96)

5. *Mubarak* مُبَارَكٌ

Dalam buku “*Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah dan Huraian*” yang ditulis oleh Muhammad ‘Uthman El-Muhammady dan telah dicetak sebanyak 3 kali (1992-1999) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, disebutkan bahawa *barakah* adalah tetapnya kebaikan dari sisi Tuhan dalam sesuatu perkara itu. Mengikuti ayat yang berkaitan dengannya, Allah berfirman:

﴿وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقٌ لِّدِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَإِذْ نَنْذَرُ أُمَّ الْغُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا﴾

“*Dan ini ialah Kitab (al-Quran) yang Kami turunkan, yang membawa berkat, lagi mengesahkan kebenaran (kitab-kitab yang diwahyukan) yang diturunkan sebelumnya, supaya taun hamba boleh memberi peringatan kepada Ibu Segala Kota (Kota Makkah) serta orang-orang yang tinggal sekelilingnya*”.

(Surah Al-An’am, 6:92)

Kata *mubarak* juga terdapat dalam 2 surah lainnya, iaitu surah al-Anbiya’ ayat 50 dan surah Shad ayat 29.

6. *Mubaarakah* مُبَارَكَةٌ

Terdapat 4 kata dalam al-Qur’an, an-Nur ayat 35 & 61, al-Qasas 30, dan ad-Dukhan ayat 3. Dalam surah ad-Dukhan disebutkan bahawa kata “*mubaarakah*” menunjukkan erti kebarakahan disuatu masa iaitu pada masa malam bulan Ramadan, dimana didalam salah satu malamnya telah diturunkan al-Quran sebagai keberkahan bagi seluruh alam. Malam ini juga dikenali dengan malam “*Lailatul Qadar*”.

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ﴾

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur’an itu pada malam yang penuh keberkatan: (Kami melakukan demikian) kerana sesungguhnya Kami (sentiasa) ingin memberi ingatan dan amaran (supaya manusia menjauhi kejahatan)”

(Surah Al-Dukhan, 44:3)

7. Baaraknaa بَارَكْنَا

“Baaraknaa” yang bererti kami memberi barakah, yang berfaedah sebagai subjek pada setiap ayatnya, iaitu Kami dalam erti Allah SWT., yang sentiasa memberi kita kebarakahan dalam hidup ini. Dalam surah Saba’ Allah berfirman:

﴿وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ الْقُرَىٰ الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا قُورَىٰ ظَاهِرَةً وَقَدَرْنَا فِيهَا السَّيْرَ سَبْعِينَ لَيْلًا وَأَتَامَأْءَ آمِنِينَ﴾

“Dan diantara tempat tinggal mereka (di negeri Yaman) dengan kota (di negeri Syam) yang Kami Limpahkan Berkat padanya, Kami adakan beberapa buah kota yang jelas kelihatan (kepada orang yang melalui jalan itu), dan Kami tentukan jarak perjalanan di antaranya (sekedar yang dapat dijadikan tempat persinggahan), (serta dikatakan kepada mereka): ”Berjalanlah kamu di kota itu, pada bila-bila masa yang kamu suka, malam dan siang, dalam keadaan aman”

(Surah Saba’, 67:18)

Diceritakan dalam ayat diatas, bahawa kebarakahan yang didapati oleh kaum Saba’. Ianya adalah sebuah negeri yang bahagia dan makmur, yang mendapat bekalan air yang cukup memadai, terdapat kebun pada tebingnya, dikiri dan kanan. Kebun-kebun itu menghasilkan buah-buahan, rempah-rempah, narwastu, dan dupa, dan ianya mendapat gelaran “*Araby the Blest*” iaitu Negeri Arab yang Berkat (El-Muhammady, 1999).

8. Mubaarakan مُبَارَكًا

Dalam surah Ali Imran disebutkan ayat بِرَكَّةٍ مُّبَارَكًا yang bererti di Bakkah/Makkah yang dibarakahi, juga di surah Qaaf disebutkan dengan maksud air hujan yang banyak faedahnya. Dari bentuk kata mubaarakan diatas maka boleh kita ambil kesimpulan bahawa kebarakahan dapat mensifati semua makhluk Allah tak terkecuali manusia sahaja, bahkan kota dan airpun mendapat kebarakahan dari Allah Yang Maha Pencipta.

﴿وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُّبَارَكًا فَأَنْبَتْنَا بِهِ جَنَّاتٍ وَحَبَّ الْحَصِيدِ﴾

“Dan Kami menurunkan dari langit: hujan yang banyak faedahnya lalu Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-kebun (dengan pokok-pokok tanaman) pokok-pokok tanaman dan biji-bijian yang dituai”

(Surah Qaf, 50:9)

9. *Barakaatuhu* بَرَكَاتُهُ

Bentuk kata dari barakah yang lainnya yang terdapat hanya 1 sahaja dalam al-Quran surah Hud ayat 73, yang menceritakan kebarakahan keatas keluarga Nabi Ibrahim *‘alaihi salam* dimana pada usia tuanya belum dikaruniaai seorang anak, tetapi atas izin Allah SWT. akhirnya mereka mempunyai anak.

﴿رَحِمْتُ اللَّهُ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ﴾

“Memanglah rahmat Allah dan berkat-Nya melimpah-limpah ke atas rumah ini! Kerana sesungguhnya Allah Maha Terpuji lagi Penuh dengan Kegemilangan dan Kecemerlangan!”.

(Surah Hud, 11:73)

Menurut Muhammad Mahmud Abdul Jawwad dalam kitabnya yang bertajuk *“Barakah”*, daripada beberapa contoh ayat al-Quran yang sedia ada diatas, maka boleh kita simpulkan bahawa barakah dalam al-Quran mempunyai 2 makna yang penting:

1) Tetapnya suatu kebaikan dan berterusannya.

Seperti apa yang tertulis dalam surah al-A’raf ayat 96, yang bermaksud barakah yang berterusan berupa air hujan dan tumbuh daripadanya pokok-pokok dan buah-buahan, dan jadilah semuanya kebaikan dan kenikmatan, rezeki keindahan yang kesemua itu dari Kekuasaan Allah dan Ihsan (Kebaikan)-Nya.

2) Banyaknya kebaikan dan selalu bertambah.

Dalam tafsir ar-Razi yang mengikut tafsiran surah al-A’raf ayat 54 disebutkan bahawa: “Barakah adalah banyaknya kesan sifat yang mulia dan hasil yang mulia, dan kedua-duanya tidak berlaku bagi yang sesuatu yang hak disisi Allah SWT., kerana sesungguhnya sifat Tetap dan Kekal adalah milik Allah sahaja”.

(Jawwad, 2007)

SYARAT MEMPEROLEHI KEBARAKAHAN

Seperti diterangkan dalam buku Syekh Muhammad Mahmud Abdul Jawwad, bahawa ada 2 syarat yang musti kena dilalui bila ingin mendapatkan suatu kebarakahan, iaitu:

1. Iman

Iman yang bererti percaya, percaya kepada Allah, iman kepada malaikat, iman kepada kitab-kitab, iman kepada para rasul, iman kepada hari akhirat dan iman kepada qadha dan qadar Allah SWT.

Kesemua rukun iman tersebut musti ada dalam diri seseorang yang ingin mendapatkan kebarakahan, kerana wujudnya barakah disebabkan adanya iman dan amal soleh yang selalu berhubungan. Allah berfirman:

﴿وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءُ الْحَسَنَىٰ وَسَنُقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرَىٰ﴾ (Surah Al-Kahfi, 18:88)

Nampaklah jelas bahawasanya sesiapa yang beriman dan beramal soleh akan mendapatkan balasan yang baik, balasan itulah yang dinamakan sebuah kebarakahan. Inilah syarat utama untuk mendapatkan kebarakahan daripada Allah SWT (Jawwad, 2007).

2. Takwa

Syarat yang kedua untuk mendapatkan kebarakahan adalah takwa, takwa yang bererti taat dalam beribadah, menjauhi maksiat dan juga takut kerana Allah (Jawwad, 2007). Disebutkan dalam al-Quran bahawasanya barang siapa bertakwa maka akan dimudahkanlah jalannya/urusannya dan diberikan rezeki dari mana-mana arah yang tidak dikira.

﴿وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ﴾ (Surah At-Talaq, 65:2-3)

AMALAN YANG DAPAT MENDATANGKAN KEBARAKAHAN

Ada beberapa amalan yang dapat mendatangkan barakah pada diri kita sendiri ataupun institusi, diantara amalan tersebut adalah:

1. Jujur dalam bermuamalah

Rasulullah SAW. bersabda:

«عَلَيْكُمْ بِالصَّدْقِ، فَإِنَّ الصَّدَقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ، وَيَتَحَرَّى الصَّدَقَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْقًا»

Rasulullah bersabda: "Wajib atas kalian berlaku jujur, kerana sesungguhnya jujur itu menunjukkan kepada kebaikan, dan kebaikan itu menunjukkan kepada Surga. Seseorang sentiasa jujur dan berusaha untuk selalu jujur sehingga ia ditulis di sisi Allah sebagai orang yang jujur."

(Muslim, 6586)

2. Perbanyak istighfar dan syukur

Dalam surah Nuh Allah berfirman:

﴿فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا يُرْسِلَ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَيَبِينْ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا﴾

(Surah Nuh, 71:10-12)

Istighfar dapat membersihkan hati dan membangunkan jiwa, menambah ketaan dalam beribadah, maka perbanyaklah istighfar pada masa pagi dan malam hari.

3. Menjaga silaturrahim

Amalan yang ke-3 yang dapat mendatangkan kebarakahan adalah dengan menjaga silaturrahim, dalam peringkat institusi disebut kerjasama (Memorandum Of Understanding). Inilah hal yang perlu kita ambil penting untuk medatangkan kebarakahan, sebagaimana sabda Rasullullah SAW.:

«مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ»

“Barangsiapa yang suka dilapangkan rizqinya dan diakhirkan ajalnya, maka sambunglah silaturrahim.”

(Muslim, 2557)

AMALAN YANG DAPAT MENGHILANGKAN KEBARAKAHAN

Selain dari adanya amalan yang dapat mendatangkan kebarakahan, ada juga beberapa amalan yang dapat menghalangi atau menghilangkan kebarakahan, yang mana amalan ini kena kita jauhi agar hidup kita dan persekitaran kita selalu mendapatkan kebarakahan. Diantara amalan tersebut adalah:

1. Dosa dan maksiat

Telah disebutkan berulang kali dalam ayat-ayat al-Quran yang bercerita tentang para pembuat dosa dan maksiat yang menyebabkan kepada hilangnya kebarakahan berupa rezeki. Firman Allah SWT.:

(Surah Al-Qasas, 28:58)

﴿وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قُرُونَةٍ بَطَرَتْ مَعِيشَتَهَا﴾

2. Harta yang haram

Harta yang haram itu banyak bentuknya, diantaranya: harta yang didapat dari mencuri, harta yang didapat dari raswah dan gosob, dan juga memakan harta anak yatim.

(Surah An-Nisa', 4:29)

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ﴾

3. Pemborosan

Amalan yang ketiga yang menyebabkan hilangnya kebarakahan adalah adanya sifat boros, kerana sifat boros adalah daripada sifat syaiton yang dapat mengakibatkan pembaziran, kehancuran dan kerosakan.

﴿وَلَا تُطِيعُوا أَمْرَ الْمُشْرِكِينَ الَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ﴾
(Surah Asy-Syuara', 26:151-152)

APLIKASI BARAKAH DI PONDOK MODEN DARUSSALAM GONTOR

Pondok atau Pesantren adalah lembaga pendidikan Islam dengan sistem asrama, dimana Kiai (Mudir) sebagai sentral figurinya, dan masjid sebagai titik pusat yang menjiwai kehidupannya (Zarkasyi, 2008). Pondok Moden Darussalam Gontor adalah salah satu contoh dari ribuan pesantren di Indonesia yang mana pondok ini mempunyai ciri khas yang berbeza dari pondok pesantren pada umumnya.

Pondok Moden Gontor adalah sebuah institusi pendidikan Islam yang mana. pondok ini tidak berafiliasi dengan mana-mana kumpulan politik. Ianya juga adalah salah satu sekolah terbesar dan paling terkemuka di Indonesia. Kampus ini terletak di atas tanah seluas 9 ekar di desa Gontor, sebuah desa kecil yang terletak kurang lebih 10 kilometer dari kota Ponorogo, atau sekitar 210 kilometer dari kota Surabaya, Jawa Timur, Indonesia (Karnaen, 2010).

Pondok ini ditubuhkan pada 12 Rabiul Awal 1345 H bertepatan dengan tarikh 9 Oktober 1926 EM selepas acara Maulidur Rasul SAW. Ditubuhkan oleh tiga saudara lelaki, yang dikenali sebagai Trimutri yang terdiri daripada K.H. Ahmad Sahal, K.H. Zainuddin Fanani dan K.H. Imam Zarkasyi. Sebuah cita-cita Trimurti Pendiri Gontor untuk mewujudkan sintesa dari empat perguruan besar dunia, keluasan wakaf Universiti Al-Azhar Cairo sebagai "*Mamba'ul Ulum a-Islamiyah*", kedermawanan pemimpin Universiti Syanggit di Muritania Afrika, modenisme Islam Universiti Aligarh dan kedamaian Syantiniketan di India (Sanusi, 2016).

Sekarang ini, Gontor telah memasuki generasi kedua dalam kepimpinannya, dimana kepemimpinan yang ada sekarang diketuai oleh 3 orang iaitu: DR. K.H. Abdullah Syukri Zarkasi, M.A., K.H. Hasan Abdullah Sahal dan K.H. Syamsul Hadi Abdan. Sejak awal ditubuhkan, tidak serta-merta murid datang begitu sahaja ke pondok, pelbagai usaha dilakukan oleh Trimurti supaya anak-anak Desa Gontor mahu mendekati ke tempat pendidikan yang baru itu. Minat akan bersekolah dan ketidaktahuan mereka akan ilmu pada saat itu sangatlah kurang, maka seirng kali Trimurti mengadakan kenduri untuk menyenangkan hati anak-anak dan disitulah disisipkan pengajaran dan penjelasan tentang manfaat dan pentingnya ilmu. Maka

daripada itu, visi Gontor adalah “Sebagai lembaga pendidikan Islam yang mencetak kader-kader pemimpin ummat, menjadi tempat ibadah dan sumber ilmu pengetahuan agama dan umum dengan tetap berjiwa pesantren”.

Tak cukup dengan visi yang telah disebutkan diatas, Gontor juga mempunyai beberapa misi demi kemajuan pendidikan dan pengajarannya, diantaranya iaitu: “Mempersiapkan generasi yang unggul dan berkualitas menuju terbentuknya *khairu ummah*. Mendidik dan mengembangkan generasi mukmin muslim yang berbudi tinggi, berbadan sehat, berpengetahuan luas, dan berpikiran bebas, serta berkhidmat kepada masyarakat. Mengajarkan ilmu pengetahuan agama dan umum secara seimbang menuju terbentuknya ulama yang intelek. Dan mempersiapkan warga negara berkepribadian Indonesia yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT (Sanusi, 2016).

Sebagaimana disebutkan diatas, bahawasanya barakah bermakna bertambah dan tetapnya suatu kebaikan, maka kefahaman akan makna ini perlu kita ambil contoh dan kesan apa yang ada di Pondok Moden Darussalam Gontor dan apa yang selalu diucapkan oleh para Pimpinannya dan juga di beberapa tulisannya. Setiap perkumpulan/perhimpunan yang diadakan di pondok, baik secara mingguan, bulanan, tahunan atau perasmian suatu program, beliau para Pimpinan Gontor selalu mengingatkan dan menyebutkan akan pentingnya erti sebuah kebarakahan, yang mana selalu disebutkan dalam peribahasa bahasa arab yang bermaksud “*Bergeraklah, maka sesungguhnya di dalam setiap pergerakan ada kebarakahan*”.

Dalam buku yang ditulis oleh salah satu Pimpinan Gontor sekarang, iaitu K.H. Abdullah Syukri Zarkasyi disebutkan bahawasanya: “Gontor berkembang dan maju hingga sekarang adalah anugerah dan rahmat dari Allah semata. Dan keyakinan bahawa apa yang dibawa oleh Gontor adalah benar, karena dasar perjuangannya adalah menegakkan kalimah Allah melalui pendidikan ini.” (Zarkasyi, 2011).

Dan juga dalam salah satu ceramah K.H. Hasan Abdullah Sahal saat menghadiri Milad 10 Tahun Pondok Pesantren Darussalam Tasikmalaya menyatakan bahawa: “*Awal mula berdirinya Pondok Pesantren Darussalam Tasikmalaya ini miskin, tetapi sekarang maju, kaya. Inilah barakah pesantren.*” (Muttaqin, et. al., 2018).

Kebarakahan juga dirasakan Gontor sebab kesungguhan yang dimiliki oleh para Pendiri dan Pimpinannya dalam mempertahankan, melaksanakan dan memperjuangkan nilai, sistem, idealisme dan orientasi Gontor sampai saat ini (Zarkasyi, 2011). Dengan segala cobaan yang dilalui oleh para Pendiri Gontor hingga nyawa menjadi dikorbankan (Sulaiman, 2009), dengan falsafah yang selalu

diucapkan oleh Pendiri: *“Bondo, bahu, pikir, lek perlu sak nyawane pisan”* (Zarkasyi, 2011).

Kebarakahan Gontor tidak dirasai oleh Gontor sendiri, tetapi juga masyarakat kampung sekitar Gontor, hingga kota Ponorogo sebagai kota kelahiran Pondok Moden Gontor. Bagi masyarakat kampung sekitaran Gontor, kebarakahan itu dirasai dengan adanya pemberdayaan ekonomi, dengan bekerja diberbagai unit usaha pondok; pekerja bangunan, pekerja dapur, driver, sewa motor, koperasi, dobi, dan lain-lainnya. Tercatat ada lebih kurang 659 orang masyarakat sekitaran Gontor yang berkerja dengan rotasi keuangan sebanyak Rp. 382.000.000,- dalam setahun. Kebarakahan lain yang dirasai oleh kota Ponorogo iaitu dengan datangnya beberapa tetamu penting ke Gontor, yang mana selalu melibatkan seluruh dewan majlis kota datang dan hormat kepada Gontor, diantara tetamu yang datang merka adalah Presiden atau Wakil Presiden, Menteri-menteri, Gubernur, Tokoh-tokoh tempatan bahkan antarbangsa, semacam Grand Syeikh Al-Azhar Mesir, Ambassador/Duta Negara dan lain-lainnya (Zarkasyi, 2011).

WUJUD KEBARAKAHAN DI PONDOK MODEN DARUSSALAM GONTOR

Kebarakahan Gontor itu terwujud dalam beberapa kemajuan pondok, baik berupa jumlah santri dan gurunya juga beberapa fasiliti dan wakafnya, diantaranya adalah sebagai berikut:

1. Bertambahnya pelajar/santri Pondok Moden Darussalam Gontor

Pada mula berdirinya, santri yang belajar di Gontor berjumlah lebih kurang puluhan santri yang datang dari masyarakat desa sekitar sahaja, tetapi Alhamdulillah jumlah tersebut selalu bertambah pada setiap tahunnya, dan tercatat pada tahun ini, jumlah keseluruhan santri Gontor adalah 20.208 pelajar dan 2811 guru, dan ditambah dengan santri mahasiswa UNIDA seramai 3.570 pelajar (Muttaqin, et. al., 2018).

Keseluruhan santri dan guru hidup didalam kompleks pondok, dengan segala kegiatan yang penuh dan padat para santri sangat selesa duduk di Gontor. Ini menunjukkan adanya kebarakahan dalam pondok tersebut yang mana semua hidup sejahtera dan aman seperti mana terjemahan daripada namanya sendiri iaitu *“Darussalam/Kampung Damai”*.

Jadual 1: Beberapa cawangan Gontor beserta jumlah santri dan gurunya.

No.	Kampus	Daerah	Jumlah Santri	Jumlah Guru
1	Gontor Putra 1	Ponorogo	4.065 orang	290 orang
2	Gontor Putra 2	Ponorogo	1.295 orang	176 orang
3	Gontor Putra 3	Kediri	1.299 orang	231 orang
4	Gontor Putra 5	Banyuwangi	1.199 orang	140 orang
5	Gontor Putra 6	Magelang	1.214 orang	140 orang
6	Gontor Putra 7	Kendari	246 orang	77 orang
7	Gontor Putra 8	Lampung	135 orang	22 orang
8	Gontor Putra 9	Lampung	571 orang	76 orang
9	Gontor Putra 10	Aceh	100 orang	16 orang
10	Gontor Putra 11	Sumatera Barat	47 orang	25 orang
11	Gontor Putra 12	Jambi	276 orang	46 orang
12	Gontor Putra 13	Sulawesi Tengah	136 orang	44 orang
13	Gontor Putra 14	Riau	223 orang	50 orang
14	Gontor Putri 1	Mantingan	3.423 orang	438 orang
15	Gontor Putri 2	Mantingan	1.268 orang	187 orang
16	Gontor Putri 3	Mantingan	2.480 orang	269 orang
17	Gontor Putri 4	Sulawesi Tenggara	243 orang	69 orang
18	Gontor Putri 5	Kediri	1,201 orang	154 orang
19	Gontor Putri 6	Sulawesi Tengah	110 orang	42 orang
20	Gontor Putri 7	Riau	812 orang	119 orang
21	UNIDA	Ponorogo	3.570 orang	328 orang
	Jumlah Keseluruhan		23.778 orang	3.139 orang

2. Bertambahnya cawangan Pondok Moden Darussalam Gontor

Dari awal berdirinya, Gontor hanya mempunyai 1 kampus sahaja, dengan jumlah santri lebih kurang 3000 orang. Seiring bergantinya tahun dan bertambah ramainya minat santri yang ke Gontor, maka sekitar tahun 1990 dibukalah cawangan Gontor untuk menampung kelebihan santri yang ada di kampus pusat dan juga dibukalah Pondok Moden Darussalam Gontor Putri. Hingga saat ini terdapat 14 cawangan kampus putra dan 7 cawangan kampus putri (Muttaqin, et. al., 2018) yang tersebar diseluruh Indonesia.

Dahulu saat berkunjungnya Grand Syeikh Al-Azhar, Prof. Dr. Mahmod Syaltut, beliau pernah berkata “Semoga kelak akan berdiri 1000 Gontor di Indonesia” (Masruri, et. al., 1996). Kita berdoa semoga ucapan ini terwujud dan menjadikan kebarakahan bagi kemajuan pendidikan Islam di dunia. Dan sudah nampak saat ini telah berdiri ratusan pondok dengan system/metod seperti Gontor yang sudah berdiri

(www.gontor.ac.id), sama ada didirikan alumni Gontor maupun masyarakat awam, dalam Negeri bahkan luar Negeri. Semacam di Rembau, Negeri Sembilan yang telah berdiri Pondok Tahfiz Al-Gontory dan juga Pondok Moden Darussalam Changlun Kedah.

3. Bertambahnya wakaf di Pondok Moden Darussalam Gontor

Setelah Trimurti berjaya mendirikan Gontor pada tahun 1926 EM, dengan sepakat dan mufakat mereka ikhlas mewakafkan sebahagian besar harta warisan orang tua mereka untuk kejayaan pondok. Penyerahan wakaf tiga bersaudara ini kepada umat Islam dirasmikan secara hukum pada tanggal 12 Oktober 1958, bertepatan dengan Peringatan Empat Windu berdirinya Pondok Moden Darussalam Gontor (Masruri, et. al., 1996).

Dalam Piagam Penyerahan Wakaf tersebut dinyatakan bahawa K.H. Ahmad Sahal, K.H. Zainuddin Fanani dan K.H. Imam Zarkasyi selaku pihak pertama, menyerahkan harta benda mereka sebagai wakaf Pondok Moden Gontor kepada 15 orang yang dipilihnya selaku pihak kedua. Harta yang dimaksud berupa: tanah kering seluas 1.740 ha, tanah sawah seluas 16.851 ha, dan bangunan pondok sebanyak 12 buah beserta isinya.

Dan alhamdulillah harta tersebut setiap tahun semakin bertambah, bertambah pula masyarakat yang mewakafkan hartanya kepada pondok, baik berupa tanah, bangunan, kenderaan, fasiliti sekolah dan lain-lainnya.

Tercatat dalam buku laporan tahunan Gontor, tanah wakaf pondok sampai tahun 2018 seluas 12.643.712 m² (Muttaqin, et. al., 2018) yang tersebar diseluruh Provinsi di Indonesia. Tanah tersebut terdiri dari tanah bangunan, tanah sawah, tanah kebun sawit dan lain-lainnya. Dasar yang paling utama dalam penyerahan wakaf ini adalah keikhlasan, dan juga dari sejarah masa lalu pesantren yang mana bila pendirinya mati maka pesantrennya akan ikut mati. Idea perwakafan tanah ini juga diilhami oleh keberadaan Universiti Al-Azhar di Mesir, yang bermula dari sebuah masjid kecil beberapa ratus tahun yang lalu dan masih terus bertahan hingga kini dan bahkan memiliki tanah wakaf yang sangat luas serta mampu memberikan beasiswa kepada ramai pelajarnya (Masruri, et. al., 1996).

4. Bertambahnya unit usaha Pondok Moden Darussalam Gontor

Dalam beberapa dekade ini jumlah santri selalu bertambah dan keperluan santri akan berbelanja pun sangatlah banyak, maka dengan mewujudkan ekonomi pondok yang baik didirikanlah beberapa unit usaha yang menyokong keberlangsungan pondok dan juga mewujudkan ekonomi yang mandiri. Semua keperluan santri pondok telah melengkapinya, jadi tidak ada alasan para santri untuk keluar membeli belah diluar

pondok, dengan ini maka Gontor telah Berjaya melakukan proteksi ekonomi, dalam erti “dari santri untuk santri”. Dan juga para santri dikenalkan untuk mencintai produk sendiri, seperti halnya baju, makanan bahkan selipar. Ini semua didasari dengan moto “*Anda belanja, anda beramal*”. Maka tak heran bila dalam setiap tahunnya Gontor dapat membiayai beberapa keperluan santri dan grurunya, membangun bangunan tanpa mengambil wang yuran yang telah dibayar oleh para santri.

Jadual 2: Beberapa Unit Usaha Pondok Moden Darussalam Gontor.

No.	Nama Unit Usaha	Tempat
1	Koperasi dapur	Seluruh cawangan
2	Koperasi pelajar	Seluruh cawangan
3	Kantin pelajar	Seluruh cawangan
4	Percetakan	Gontor Putra 1
5	Kilang roti	Gontor Putra 1 dan 3
6	Kilang selipar	Gontor Putra 2
7	Kedai buku	Kota Ponorogo
8	Kilang air mineral	Gontor Putra 1
9	Kedai hardware	Gontor Putra 1
10	Kedai fotostate	Seluruh cawangan
11	Pembekal baju dan uniform	Gontor Putra 1 dan Putri 1
12	Pembekal tilam	Gontor Putri 1
13	Peternakan lembu potong	Gontor Putra 1 dan 3
14	Peternakan lembu tenusu	Gontor Putra 3
15	Kilang ais batu	Gontor Putra 1
16	Kilang beras	Gontor Putra 1
17	Kedai farmasi	Kota Ponorogo
18	Hotel atau wisma	Gontor Putra 1 dan Putri 1
19	Perkhidmatan bus dan van	Seluruh cawangan
20	Stesen minyak	Kota Wonosobo
21	Peternakan ikan keli	Gontor Putra 1

(Muttaqin, et. al., 2018)

FAKTOR PENYOKONG KEBARAKAHAN PONDOK MODEN DARUSSALAM GONTOR

Merujuk pada ayat-ayat al-Quran yang menyatakan tentang kebarakahan, maka ada beberapa faktor penyokong kebarakahan yang dirasakan oleh Gontor, diantaranya yaitu:

1. Jiwa keikhlasan

Ikhlas secara bahasa berarti bersih, suci, murni, tidak bercampur dan sesuai. Secara istilah bermakna menghadirkan niat karena Allah Ta'ala dengan upaya kuat dan sungguh-sungguh dalam berfikir, bekerja dan berbuat untuk kemajuan usahanya dengan selalu mengharap redhaNya.

Ikhlas yang dimaksud adalah ikhlas aktif yang diwujudkan dengan pelbagai gerakan atau aktifitas dalam hidup kita, dengan penuh kesungguhan, kerja keras, berfikir keras, bersabar keras dan berdoa keras. Inilah ikhlas yang sebenarnya, ikhlas yang dinamis dan produktif, ikhlas yang melahirkan cita-cita besar dan hasil yang bermanfaat untuk masyarakat, agama dan umat (Zarkasyi, 2011).

Jiwa keikhlasan di Gontor dipertahankan supaya menjadi sesuatu yang utama serta mewarnai kehidupan seluruh santri dan keluarga pondok. Jiwa keikhlasan adalah sesuatu yang wajib diketahui oleh semua santri, supaya menjadi teladan yang baik "uswah hasanah" (Masruri, et. al., 1996).

Jiwa-jiwa keikhlasan, ketulusan dan kejujuran telah menyelimuti atmosfir pondok, sehingga suasana kedamaian sangat dirasakan oleh para penghuninya. Demikian juga para Kiai dan guru turut berupaya untuk bisa mengabdikan hidupnya dengan penuh keikhlasan (Zarkasyi, 2011).

2. Jiwa kesederhanaan

Sederhana dalam pandangan Gontor adalah hidup sesuai kemampuan dan keperluan, sederhana bukan berarti miskin. Jiwa ini ditanamkan kepada para santri melalui cara hidup sehari-hari, dalam hal makan, tempat tinggal dan pakaian. Kesederhanaan juga ditanamkan dalam cara berfikir, santri diajarkan agar tetap sederhana dalam berfikir, apa adanya (realistis), tidak mengkhayal yang bukan-bukan (Masruri, et. al., 1996).

Di Gontor tidak ada perbezaan antara anak orang kaya dan anak orang miskin, anak pejabat dan anak pesawah, yang membezakan adalah hasil pendidikan dan pembelajaran masing-masing pelajar didalam kelas dan luar kelas.

3. Jiwa kemandirian

Pendidikan kemandirian di Pondok Moden Darussalam Gontor berjalan seiring dengan berjalannya system asrama, para santri belajar hidup mandiri, memikirkan keperluannya sendiri (Masruri, et. al., 1996).

Dalam buku Pekan Perkenaan Pondok Moden Darussalam Gontor disebutkan bahawa: “Berdikari bukan sahaja dalam erti bahawa santri selalu belajar dan berlatih mengurus segala kepentingannya sendiri, tetapi juga pondok pesantren itu sendiri sebagai lembaga pendidikan yang tidak pernah menyandarkan kehidupannya kepada bantuan orang lain. Dalam pada itu juga, tidak bersikap kaku sehingga menolak orang-orang yang hendak membantu pondok.” (Zarkasyi, 2004).

Jiwa kemadirian inilah yang menjadikan Gontor dapat bertanah hingga saat ini, bahkan dalam kurikulum pendidikan Gontor mandiri tidak mengikut mana-mana kurikulum pendidikan yang ada, iaitu “*Kulliyatul Mu’alimin Al-Islamiyah*” yang telah disepakati seawal berdirinya pondok.

APLIKASI BARAKAH DI KAMPUS UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Universiti Sains Islam Malaysia atau yang dikenali dengan nama USIM, adalah unversiti awam ke-12 yang ditubuhkan pada 27 Muharam 1417 H (14 1996 EM), yang pada awalnya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Penubuhan USIM dilihat sebagai memenuhi manifestasi kerajaan untuk melahirkan pemimpin berlandaskan Islam yang berwibawa dan mengembalikan ketokohan ilmuwan yang semakin mencabar. Konsep “*Kampus USIM, Kampus Barakah*” kali pertama diungkapkan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato’ Musa Ahmad, dalam majlis Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 1348 H (2017 EM). Dalam konteks ini, USIM dilihat merintis menjadi sebuah kampus barakah yang dihuni warga yang mempunyai nilai sendiri yang mengundang berakah melalui moto “*Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa*”. Barakah ilmu yang kita harapkan akan menjadikan kampus kita sebuah kampus barakah, yang sedikit menjadi banyak, yang kurang menjadi cukup, keadaan menjadi bertambah baik, tanpa ada sebarang had dan tanpa dirasai dan diketahui kedatangannya. USIM mengusung konsep 7i dalam merintis kampus barakah, konsep tersebut iaitu Iqra’, Integrasi ilmu naqli dan aqli, insan yang terbina dari amalan integrasi ilmu naqi dan aqli, budaya iqra’ dan berpandukan qalbu, internationalisation, interaksi atau hubungan university dengan pelbagai sector peringkat, intervensi terhadap revolusi perindustrian dan impak terhadap ummah (Ismail, et. al., 2017).

Dalam mengusung konsep kampus barakah tahun 2035 EM, USIM juga mempunyai beberapa cabaran yang dihadapi, seperti halnya cabaran sikap dan budaya kerja, sama ada pengurusan tertinggi, para akademik, pentadbiran dan juga pelajar (Ismail, et. al., 2017). Cabaran ini boleh menjadi sebuah penguatan untuk menjadi kampus barakah dengan adanya jiwa keikhlasan yang tertanam dalam diri masing-masing penghuni kampus USIM, yang berarti semua berbuat “*lillahi ta’ala*”. Pelajar belajar

dengan ikhlas, pengajar/murabbi menjaga dengan ikhlas dan juga pentadbir mengurus dengan ikhlas untuk Allah semata. Allah berfirman:

(Surah At- ﴿وَقُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ اِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾
Taubah, 9:105)

Cabaran yang kedua adalah memantapkan prasarana (Ismail, et. al., 2017), cabaran ini boleh dihadapi manakalah projek yang dicanangkan Pusat Zakat dan Wakaf USIM disokong dan diaplikasikan, sama ada oleh penghuni USIM ataupun masyarakat luar. Berkaca kepada Gontor dan al-Azhar Cairo yang mana dengan konsep wakafnya telah menumbuhkan sebuah institusi pendidikan yang baik dan kuat dibidang pembiayaan dan pengelolaan kampus tersebut, maka tidak menuntut kemungkinan projek wakaf ini akan Berjaya menjadikan USIM sebagai kampus barakah tahun 2035 EM kelak.

Sekarang kita berada pada era Revolusi Industri ke-4 yang menjadikan cabaran bagi setiap individu dan institusi, dimana teknologi menjadi sebuah keniscayaan. Teknologi ini boleh menjadi tambahan nilai positif, dengan memasukkan nilai kemanusiaan yang boleh melahirkan ilmu dan adab dengan mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli, karena pada dasarnya semua sumber ilmu hanyalah satu iaitu yang diberkati Allah SWT (Ismail, et. al., 2017).

Cabaran lain yang kita hadapi sekarang ini adalah skeptisisme dan ancaman ideology (Ismail, et. al., 2017), persepsi negative dan skeptical kepada Islam pada masa ini merupakan cabaran antarbangsa yang perlu kita hadapi bersama. Cabaran ini dapat kita ubah menjadi nilai positif mana kala kita berperilaku secara menengah “*wasathi*”, seperti halnya al-Azhar yang mempunyai konsep “*wasathi*” dan Gontor dengan sikap “*berdiri diatas dan untuk semua golongan*”, yang menjadikan orang lain tidak memandang kita sebagai pihak kana ataupun kiri. Dan juga dengan tetap mendakwahkan Islam secara hikmah, sebagaimana firman Allah SWT.:

﴿ادْعُ اِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ اَحْسَنُ اِنَّ رَبَّكَ هُوَ اَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ اَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِيْنَ﴾
(Surah An-Nahl, 16:125)

KESIMPULAN

Barakah adalah kebaikan karunia Tuhan pada suatu perkara, dan pada umumnya barakah merujuk kepada kebaikan, kesuburan, kebertambahan, kelapangan, kebahagiaan, dan ketinggian yang berkekalan dan berterusan daripada Allah SWT. Demi mewujudkan kebarakahan di dalam diri sendiri ataupun sebuah institusi, maka kita perlu ambil berat ayat-ayat al-Quran yang menyatakan tentang kebarakahan dan

apa sahaja amalan yang dapat mendatangkan kebarakahan juga yang menghalangi kebarakahan. Kerana kebarakahan akan tercipta dengan sendirinya manakala kita dekat dengan Sang Pencipta Kabarakahan. Dan juga perlu adanya sokongan dan kerjasama dengan mana-mana pihak untuk terciptanya kebarakahan, semisal USIM dengan Gontor yang telah berjaya dengan konsep kemandirian dan wakafnya, dan juga dengan pelbagai institusi lain yang dapat mewujudkan cita-cita USIM sebagai kampus barakah 2035 EM yang akan mendatang.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Jawwad, Muhammad Mahmud. (2007). *Al-Barakah: Asbabuha, wa makanatuha, wa turuquha jibliha*. Iskandariyah: Dar al-Iman.
- El-Muhammady, Muhammad ‘Uthman. (1999). *Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah dan Huraian*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Karnaen, Abdul. (2010). *The Degree of teacher-leader practice among teachers at Pondok Modern Darussalam Indonesia*. Kuala Lumpur: IIUM.
- Masruri, Siswanto, et. al. (1996). *K.H. Imam Zarkasyi, dimata umat*. Ponorogo: Gontor Press.
- Masruri, Siswanto, et. al. (1996). *K.H. Imam Zarkasyi, dari Gontor merintis pesantren modern*. Ponorogo: Gontor Press.
- Ismail, Abdul Manan, et. al. (2017). *Merintis kampus barakah*. Nilai: USIM.
- Muttaqin, Nasrulloh Zainul. (2018). *Wardun; Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*. Ponorogo: Darussalam Press.
- Sanusi, Muhammad Husein. (2016). *Menelusuri jejak, sintesa dan genealogi berdirinya pondok Gontor*. Bantul: CV. Etifaq Production.
- Sulaiman, Tasirun. (2009). *Wisdom of Gontor*. Bandung: Mizania Pustaka.
- Zarkasyi, Abdullah Syukri. (2008). *Kuliah kepondok modernan*. Ponorogo: Darussalam Press.
- Zarkasyi, Abdullah Syukri. (2011). *Bekal untuk pemimpin, pengalaman memimpin Gontor*. Ponorogo: Trimurti Press.
- Zarkasyi, Imam. (2004). *Pekan perkenalan Pondok Modern Darussalam Gontor*. Ponorogo: Darussalam Press.